

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BERA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT *empower* ECER
BERA**

TAMAN KERAYONG IMPIAN, BERA

**11 DISEMBER 2016, AHAD
WAKTU KETIBAAN : 3:00 PETANG**

- **Yang Berhormat Dato' Norol Azali Bin Sulaiman**
Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guai
- **Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Daing Mohd Nasir Bin Daing Ibrahim**
Naib Canselor, Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- **Yang Berusaha Encik Zulkifli Bin Yaa'cob**
Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Modal Insan
Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)
- **Yang Berusaha Encik Mohamad Rozi Hassan**
Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advance Education
- Yang diraikan para peserta Latihan Kemahiran dan Keusahawanan **empower ECER Bera**
- Wakil-wakil media serta para hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul pada Majlis Perasmian Pusat Latihan empower ECER Bera. Ribuan terima kasih diucapkan atas kesudian pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) kerana menjemput saya untuk merasmikan Pusat latihan ini.

2. Ucapan terima kasih juga kepada tetamu-tetamu kehormat, Yang Berhormat Dato' Norol Azali serta Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Daing Mohd Nasir kerana sudi meluangkan masa bersama kita pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua tenaga pengajar **empower ECER**, Jawatankuasa Penganjur Universiti Malaysia Pahang dan semua pihak yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan program kita pada hari ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya dimaklumkan oleh pihak **empower ECER** bahawa program **empower** ini adalah salah satu inisiatif serampang dua mata bagi membangunkan modal insan di Daerah Bera.

4. Saya dimaklumkan juga bahawa, bagi Program Kemahiran dan Keusahawanan **empower ECER**, peserta akan diberi latihan mengikut minat masing-masing selama 3 bulan seterusnya mereka akan dibantu dan dibimbing untuk memulakan perniagaan atau mendapat pekerjaan yang mana akhirnya mereka akan memperolehi pendapatan sekurang-kurangnya sebanyak RM1,200 sebulan.

5. Program Latihan Akademik **empower ECER** mensasarkan pelajar yang lemah dari segi akademik daripada keluarga berpendapatan rendah, manakala program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan **empower ECER** pula memfokuskan kepada golongan belia dan dewasa yang kurang bernasib baik termasuk ibu tunggal dan belia menganggur, dengan menawarkan latihan kemahiran dalam bidang-bidang yang tertentu seperti Jahitan dan Rekaan Fesyen, Tatarias Kecantikan, Pendawaian Elektrik dan Perpaipan, Dandan Rambut, Penyelenggaraan Automotif dan Kimpalan. Kedua-dua cabang program ini telah terbukti keberkesannya dalam meningkatkan prestasi akademik para peserta dan memberi kemahiran bernilai tinggi kepada peserta kemahiran.

6. Ingin saya kongsi disini, 7 orang pelajar UPSR yang mengikuti program akademik **empower ECER** pada tahun 2016 telah mencapai keputusan 4A dan ke atas dalam peperiksaan UPSR 2016 baru-baru ini. Ini menunjukkan bahawa program ini telah mula menunjukkan kejayaannya dalam merubah nasib anak-anak bera.

7. Manakala bagi program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, semenjak ia diperkenalkan pada tahun 2010 sehingga kini, lebih 90% daripada **8,035** peserta Latihan Kemahiran dan Keusahawanan **empower ECER** di Pahang telah menjadi usahawan. Di Bera, program ini mula dilaksanakan pada bulan Mei 2016 dengan kerjasama UMP selaku rakan strategik dengan seramai 136 orang peserta. Setakat 1 Disember 2016, **9** orang usahawan baru telah berjaya dilahirkan. Kejayaan mereka adalah bukti keberkesanan program yang telah diadakan.

8. Bidang keusahawanan sememangnya penting untuk menggerakkan ekonomi negara melalui penajaan peluang pekerjaan untuk komuniti tempatan, peningkatan pendapatan dan taraf hidup. Oleh itu, para peserta program **empower ECER** sememangnya digalakkan untuk menceburi bidang perniagaan dan menjadi usahawan.

9. Walaubagaimanapun, perjalanan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya sesuatu yang mudah. Seorang usahawan perlu mempunyai daya saing yang tinggi, semangat ingin berdikari, berani menghadapi cabaran dan kebolehan untuk mengenal pasti dan merebut peluang untuk bersaing di dalam keadaan ekonomi global yang kompetitif sekarang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Saya berharap agar dengan adanya Pusat Latihan **empower ECER** Bera ini akan memudahkan lagi pelaksanaan program latihan di daerah Bera dan memudahkan perhubungan dua hala antara tenaga pengajar, peserta-peserta kursus dan komuniti di Bera termasuk semua pihak-pihak berkepentingan.

11. Ia juga dijangka akan membolehkan program **empower ECER** lebih dikenali ramai terutamanya dikalangan penduduk di daerah Bera dan pihak luar, termasuk agensi-agensi swasta di sekitar daerah ini.

12. Saya juga berharap agar dengan adanya pejabat baru **empower ECER** Bera ini akan terus menaikkan semangat kesemua peserta **empower** di sini. Saya juga menyeru kepada para peserta agar memanfaatkan ilmu kemahiran yang telah diperolehi serta melipatgandakan usaha dalam meningkatkan taraf hidup masing-masing kerana apa yang penting sekarang adalah keyakinan diri untuk berjaya dan mengubah masa hadapan.

13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaysia Pahang kerana telah berganding

bahu dengan ECERDC dalam menjayakan program pembangunan modal insan **empower ECER**. Gandingan mantap antara institusi pendidikan tinggi dengan badan korporat ini adalah resepi kejayaan dalam usaha untuk merapatkan jurang ekonomi antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar melalui peningkatan prestasi akademik para pelajar dan kemahiran vokasional para peserta.

14. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kerana memainkan peranan aktif dan memberi sokongan padu dalam usaha menjayakan setiap program yang dirancangkan di ECER.

15. Saya yakin, dengan kesepakatan dan kerjasama dari semua pihak, kita akan berjaya menggilap potensi rakyat di Daerah Bera ini untuk terus meraih kecemerlangan dan kejayaan di peringkat yang lebih tinggi. Syabas saya ucapkan kepada semua pihak.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Pusat Latihan **empower ECER** Bera.

Sekian, terima kasih.